



ASIA PACIFIC SMART SCHOOL

PANITIA BAHASA MELAYU

LATIHAN KATA GANTI NAMA DIRI PERTAMA

1. "_____ akan ke Kuala Lumpur esok," kata Rahim kepada rakan sekerjanya Jenny.
2. "_____ berharap agar negeri Melaka akan sentiasa makmur," kata Sultan Mahmud Syah kepada Bendahara Tun Perak.
3. "Ya Tuhan, _____ mohon engkau sembuhkanlah penyakit yang dihidapi oleh nenek," kata Siti dan Dahlia sambil berdoa kepada Tuhan.
4. "_____ ingin memaklumkan kepada tuanku bahawa angkatan tentera Melaka sudah bersedia untuk pergi berperang dengan tentera Siam," kata Bendahara kepada Sultan Mahmud Syah.
5. "Adakah kamu sudah menyiapkan latihan yang _____ beri semalam?" tanya Cikgu Nirmala. "Ya, _____ sudah siapkan latihan itu, cikgu," jawab murid-murid Kelas 6 Mawar.

6. "_____ berjanji akan berusaha bersungguh-sungguh agar dapat melanjutkan pelajaran ke menara gading ayah," kata Salina kepada ayahnya.
7. "_____ akan membeli sayur-sayuran yang awak pesan petang nanti," kata Encik Razak kepada isterinya.
8. "Kawan-kawan, Cikgu Emilia akan bersara pada bulan hadapan. Saya cadangkan agar _____ adakan satu jamuan perpisahan untuk beliau," kata Susila kepada rakan-rakannya.
9. "Marilah _____ pergi ke perpustakaan untuk membuat ulang kaji," ajak Anita kepada kawan-kawannya.
10. "_____ amat menyayangi ayah dan ibu," kata kakak dan abang kepada nenek.
11. "Jemputlah masuk ke rumah _____," kata Encik Kamal dan isterinya kepada jiran mereka.
12. "_____ akan bertolak ke kampung pada pukul berapa esok?" tanya Akil dan adiknya kepada ibunya.

13. "_____ mahu tentera Melaka menang dalam peperangan menentang Majapahit ini," titah Sultan Mansor Syah kepada Laksamana Hang Tuah.
14. "_____ pulang dahulu," kata Laksamana Hang Lekir kepada Hang Kasturi.
15. "_____ tidak hadir ke sekolah semalam kerana demam cikgu," kata Laila kepada Cikgu Jamilah.
16. "_____ suka makan makanan tradisional orang Melayu," kata Raju dan Muthu kepada Zakaria.
17. "Ya Tuhan, engkau selamatkanlah kawan _____ yang kemalangan itu," kata Sulaiman sambil berdoa.
18. "_____ ingin berguru dengan seorang mahaguru yang tinggal di Gua Temenggung," kata Hang Lekir kepada Hang Jebat.
19. "_____ mahu awak selesaikan masalah teknikal ini sekarang juga," kata Encik Tan kepada pekerjaanya.

20."_____ mahu mengadap sultan esok untuk melaporkan kejadian itu," kata hulubalang itu kepada Hang Lekir.

21."_____ amat kecewa dengan tindakan Hang Jebat yang menderhaka kepada sultan," kata Hang Tuah kepada Bendahara Tun Perak.

22."Sebagai warga negara yang bertanggungjawab _____ mestilah sentiasa mematuhi peraturan jalan raya.

23."_____ sekeluarga akan melancong ke Jepun bulan Disember," kata Encik Malik dan isterinya kepada jiran mereka.

24."_____ akan menyiapkan kerja ini sebelum pulang," kata Kam Leong kepada majikannya.

Hanya Jauhari Mengenal Manikam – Hanya orang yang bijak tahu menghargai ilmu

